

Saya mengesahkan laporan ini dan pembekal
telah melaksanakan perkhidmatan dengan sempurna.



NOR HAFIZAH MOHD AROP
Timbalan Pengarah
Delivery Management Office (DMO)
Malaysia Productivity Corporation (MPC)



PELESENAN KHAS

Operator Pelancongan (Adventure Tourism Operator)

Kertas Cadangan kepada
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN
KEBUDAYAAN (MOTAC)**



**MALAYSIA
PRODUCTIVITY
BLUEPRINT**

Driving Productivity of the Nation



01 Tujuan permohonan

02 Justifikasi permohonan

03 Saranan kriteria perlesenan
khas operator Pelancongan
Kembaraan

Memohon pertimbangan dan sokongan daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) dalam usaha untuk mewujudkan perlesenan khas kepada operator-operator Pelancongan Kembaraan di Malaysia.



BICARA NIAGA X-TREME

BERSAMA-SAMA PENGURUS JENARA OUTDOOR
NAJIB ALIAS

5 JUN 2020 9:15 PAGI

SALURAN RADIO: **BERNAMA**

UTARA ADVENTURE
Small Tent
Ultra-light 1 person

LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

BICARA NIAGA X-TREME

BERSAMA-SAMA PENGASAS DAN PENGARAH URUSAN MAVERICK TRAINERS AND CONSULTANTS SDN BHD

AHMAD SYUKRY BIN AWANG

SALURAN RADIO: **BERNAMA**

BICARA NIAGA X-TREME

BERSAMA-SAMA PENGASAS DAN PENGURUS RNR ADVENTURES
RASHIDAH NORDIN

JUMAAT 12 JUN 2020 9:15 PAGI

SALURAN RADIO: **BERNAMA**

LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

BICARA NIAGA X-TREME

BERSAMA-SAMA **KHAIRIL YUSREE YUSOF**

ISNIN 20 JULAI 2020 10:15 PAGI

SALURAN RADIO: **BERNAMA**

VIRTUAL TOUR

OPERATION MANAGER ORL VENTURES

LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

BICARA NIAGA X-TREME

BERSAMA-SAMA **KHAIRIL YUSREE YUSOF**

JUMAAT 19 JUN 2020 9:15 PAGI

SALURAN RADIO: **BERNAMA**

LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

Lesen khas ini adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan kebenaran secara sah kepada operator-operator Pelancongan Kembaraan bagi menjalankan operasi perniagaan pelancongan yang sedang diusahakan.

Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk merancakkan lagi pertumbuhan industri Pelancongan Kembaraan sebagai satu *niche tourism product* yang kian meningkat naik di Malaysia.

1. Kekangan Menjalankan Aktiviti Perniagaan Pelancongan Secara Sah **Berdasarkan AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992**

- Operator Pelancongan Kembaraan sedia ada adalah usahawan perniagaan kecil dan sederhana, serta ada juga sebilangannya yang berada di tahap mikro.
- Kekangan kewangan yang dihadapi menyukarkan operator-operator Pelancongan Kembaraan untuk memenuhi keperluan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan / Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB).
- Syarat yang telah ditetapkan dilihat sebagai sangat tinggi dan melangkui kemampuan kewangan operator Pelancongan Kembaraan sedia ada.

2. Ketiadaan Lesen Khusus Dari **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- Tidak semua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai 'kuasa' untuk mengeluarkan lesen khas bagi membolehkan sesebuah operasi Pelancongan Kembaraan berlaku di kawasan mereka.
- Kemampuan sebagaimana yang ditunjukkan oleh beberapa Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Daerah Hulu Selangor untuk operasi Tandem Paragliding di Kuala Kubu Bharu atau Majlis Perbandaran Selayang untuk aktiviti rock climbing dan penerokaan gua di Gua Damai, tidak dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lain di seluruh Semenanjung Malaysia.

3. Operasi Perniagaan Pelancongan Kembaraan **berbeza dengan Agensi Pelancongan**

- Operasi perniagaan pelancongan oleh operator Pelancongan Kembaraan adalah bersifat setempat (on-site) - hanya berlaku di lokasi operasi yang spesifik dan tidak melibatkan lawatan susulan ke pelbagai destinasi lain secara packaged tour sebagaimana yang dilakukan oleh agensi pelancongan.
- Terhad kepada pengendalian aktiviti lasak sahaja dan tidak melibatkan penyediaan pakej-pakej pelancongan lain seperti penginapan di hotel ataupun perkhidmatan transfer dari sesebuah lokasi lain.
- Specialized service provider dan bukannya mengkombinasikan pelbagai tarikan untuk dijual sebagai pakej pelancongan.

4. Pemasaran Pelancongan Kembaraan Tidak Semestinya Bergantung Sepenuhnya kepada **Pengurusan Agensi Pelancongan**

- Tidak semua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai 'kuasa' untuk mengeluarkan lesen khas bagi membolehkan sesebuah operasi Pelancongan Kembaraan berlaku di kawasan mereka. Trend pemasaran pelancongan terkini iaitu disintermediation - proses pemasaran Pelancongan Kembaraan lebih terarah kepada pemasaran secara terus (direct marketing) berbanding menggunakan pengantara (intermediaries) seperti sebelum ini.
- Penglibatan agensi pelancongan sedia ada dalam menjalankan pemasaran dan promosi perniagaan berkaitan Pelancongan Kembaraan ini adalah bersifat 'tidak menentu' (uncertain).
- Majoriti agensi pelancongan sedia ada di Malaysia was-was / reluctant untuk memasarkan produk-produk Pelancongan Kembaraan.
- Kemampuan sebagaimana yang ditunjukkan oleh beberapa Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Daerah Hulu Selangor untuk operasi Tandem Paragliding di Kuala Kubu Bharu atau Majlis Perbandaran Selayang untuk aktiviti rock climbing dan penerokaan gua di Gua Damai, tidak dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lain di seluruh Semenanjung Malaysia.



5. Kawalan Terhadap Pengoperasian **Pelancongan Kembaraan di Malaysia**

- Perniagaan Pelancongan Kembaraan bukan sahaja tertumpu kepada proses penjualan produk pelancongan semata-mata tetapi turut melibatkan penelitian aspek-aspek lain seperti kualiti servis dan keselamatan.
- Mampu dieksploitasikan secara positif oleh pihak Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) sebagai suatu bentuk kawalan terhadap kewujudan syarikat-syarikat pengendali Pelancongan Kembaraan dan mengelakkan perlambakkan operator yang hanya berpaksikan keuntungan semata-mata.
- Penanda aras terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan, (termasuklah kompetensi kakitangan serta pengurusan keselamatan yang dilaksanakan) di samping dijadikan medium untuk menghadirkan keyakinan (trust) kepada para pelancong dan agensi pelancongan yang berminat.

	1	2	3
KRITERIA	PENDAFTARAN SYARIKAT	KATEGORI SYARIKAT	MODAL BERBAYAR
CADANGAN	i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sekurang-kurangnya enterprise. ii. Syarikat milik bumiputera. iii. Telah beroperasi sekurang-kurangnya selama setahun. iv. Mempunyai ruang operasi perniagaan.	i. Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (Inbound) sahaja. ii. Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri (Outbound) tidak dibenarkan.	i. RM10,000 (tanpa mengira kawasan)

4

5

6

KRITERIA



KEAHLIAN PERSATUAN PELANCONGAN

- i. Pertubuhan Pelancongan Dalam Negeri Malaysia (MiTA – Malaysia Inbound Tourism Association).

CADANGAN



KOMPETENSI MANDATORI YANG PERLU DIMILIKI OLEH PEMILIK SYARIKAT DAN KAKITANGAN

- i. Sijil kompetensi Wilderness First Aid yang dianugerahkan oleh badan-badan pengiktirafan berkredibiliti (di peringkat tempatan atau antarabangsa) dan *valid* (belum tamat tempoh).

DAN

- ii. Sijil kemahiran khusus berdasarkan jenis aktiviti yang ditawarkan. Dianugerahkan oleh badan-badan pengiktirafan berkredibiliti (di peringkat tempatan atau antarabangsa) dan *valid* (belum tamat tempoh).

PENGIKTIRAFAN PEMATUHAN KEPADA STANDARD BERKAITAN PELANCONGAN KEMBARAAN

Memiliki sijil pengiktirafan;

- i. ISO Adventure Tourism (ISO21101:2014, ISO21102:2014, ISO21103:2014)

ATAU

- ii. Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) – Nature & Adventure.

ATAU

- iii. Malaysia Tourism Excellence Business Certification (MaTEx) (Adventure Tourism Operator).

- Pelancongan Kembaraan adalah satu kategori pelancongan yang sememangnya mempunyai potensi besar untuk merancakkan pembangunan pelancongan domestik mahupun meletakkan nama Malaysia di pentas dunia.
- Namun demikian, potensi ini kurang mendapat perhatian dan tidak dieksploitasikan secara optimum walaupun memiliki keupayaan tersendiri untuk dipromosikan sebaris dengan produk-produk pelancongan alternatif lain di Malaysia seperti *medical tourism*, *homestay* dan *kampung stay*, *wellness tourism* dan sebagainya.
- Kekuatan sumber alam semulajadi ini dengan dipacu oleh minat pelancong kontemporari serta keupayaan para operator Pelancongan Kembaraan sedia ada, dapat menjadi pemangkin untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.
- Penyediaan lesen khas kepada operator Pelancongan Kembaraan di Malaysia boleh dilihat sebagai satu keperluan (*necessity*) yang kritikal bagi menrealisasikan aspirasi tersebut.

